



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
Mesra, Cepat & Tepat  
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.pjcitycouncil.com)



[pjkita](mailto:pjkita@mbpj.gov.my)



[smartpb](https://www.smartpb.com)

BIL. 4/2022

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

**PERCUMA**



## PROGRAM TAUTAN KASIH

**Berita Penuh MS 3**

### HALATUJU PELAN STRATEGIK PJSSR 2030

Majlis telah menyediakan kemudahan rekreasi di Laman MBPJ secara "interconnected" bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan, inklusif dan dinamik selari dengan matlamat dan halatuju Pelan Strategik PJSSR 2030.

**Berita Penuh MS 4**



### PETAK PARKING KERETA DI TLK OFF-STREET

Seksyen 52 menerima jumlah pengunjung yang tinggi terutama pada waktu puncak yang menyebabkan tempat letak kereta di bahu jalan (On-street) yang disediakan tidak mencukupi bagi menampung permintaan pengguna. Berdasarkan semakan dan kajian yang telah dilaksanakan terhadap kadar penggunaan 1,891 petak letak kereta awam di Seksyen 52.

**Berita Penuh MS 5**



# Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitaj | smartpj

**PENAUNG**  
Mohamad Azhan bin Md Amir

**PENASIHAT**  
Haniza binti Abdul Hamid

**KETUA PENGARANG**  
Abdul Hakim bin Khairuddin

**WARTAWAN**  
Ahmad Iskandar bin Muhamad Mukhtar  
Nor Shalizawati binti Hj Baharudin  
Muhamed Azmi bin Yusoff  
Hasbullah bin Juyahir

**PEMBANTU PENERBITAN**  
Nur Mazliyana Edurar binti Mazelan  
Mohammad Shah bin Badlishah

**JURU GAMBAR**  
Rusdi bin Mohammed Halik  
Intan Khairana binti Md. Zali  
Salimey bin Abu Bakar

**PEREKA GRAFIK**  
Badrul Hisham bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin binti Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA**

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 | 03-7958 2695 | media@mbpj.gov.my



## MBPJ MERANGKUL 4 ANUGERAH DI MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya terus menempa kejayaan apabila merangkul 4 anugerah di Malaysia Technology Expo (MTE) 2022 anjuran Professional Trade Exhibitions & Meeting Planners (PROTEMP) yang telah diadakan pada 21-25 Mac 2022 yang lalu. Anugerah-anugerah yang diterima oleh Majlis adalah 1 Anugerah Emas oleh Kumpulan Iron Squadron dari Jabatan Kejuruteraan dan 2 Anugerah Perak menerusi Kumpulan Tenmins Squadron (Jabatan Kejuruteraan) dan Kumpulan Heuristik (Unit Teknologi Maklumat).

MBPJ turut menerima Anugerah Khas daripada Toronto International Society of Innovation & Advance Skills (TISIAS) menerusi Kumpulan Iron Squadron dari Jabatan Kejuruteraan. MTE 2022 merupakan pameran yang bertujuan untuk memperkenalkan daya kreatif dan inovasi dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran selain menjadi wadah berkongsi kepakaran kreatif. Pameran MTE 2022 pada edisi kali ini telah dianjurkan secara virtual melalui platform ibentos dan telah disenarai pendek kepada 39 kumpulan bagi peringkat akhir dari seluruh negara.

Majlis yang bertanding di kategori Public Service Innovation Awards (PSIA), diwakili oleh 3 kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) iaitu Kumpulan Iron Squadron (Jabatan Kejuruteraan) dengan projek Flush Mount Cap (FMC) Grating, Kumpulan Tenmins Squadron (Jabatan Kejuruteraan) dengan projek Hump-Fit dan Kumpulan Heuristik (Unit Teknologi Maklumat) dengan Sistem ePanel Klinik.

Turut berada di senarai akhir bagi kategori ini adalah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) dari Kementerian Pertahanan Malaysia Institut Kajian Perikanan dari Jabatan Perikanan Malaysia dan Forest Research Institute Malaysia (FRIM).

## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**Aznan bin Hj. Hassan**  
Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

**Ir. Ismail bin Shafie**  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7993

**Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah**  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tel : 03-7955 2354

**Tn. TPR. Zain Azly bin Abdul Rahman**  
Timbalan Pengarah,  
Jabatan Perancangan  
Tel : 03-7955 7934

**Dr. V. Chithradavi**  
Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381

**Datin Sr. Amreeta Kaur a/p Pretham Singh**  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

**Ismathinoon bin Hj. Abd Rahman**  
Penolong Pengarah kanan,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 366

**Mohd Rosnani bin Hj. Hamid**  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Tel : 03-7960 3293

**Mohd Fauzi bin Maarop**  
Pengarah,  
Jabatan Penguatkuasaan  
Tel : 03-7958 8081

**LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar**  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8907

**Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin**  
Pengarah,  
Jabatan Pelesenan  
Tel : 03-7960 4513

**Lee Lih Shyan**  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
Dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1534

**Samsul Bahari bin Nonchi**  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

**Haniza binti Abdul Hamid**  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

**Norzita binti Mokhtar**  
Pengarah,  
Unit Perundangan  
Tel : 03-7957 8042

**Noor Najwa binti Said**  
Penolong Pengarah 1  
Unit Audit Dalam  
Tel : 03-7954 0268 samb. 114

**Basri bin Basir**  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

**Sr. Jayanthi a/p Kopusamy**  
Pengarah,  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara**  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /  
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /  
03-6143 5942



## PROGRAM TAUTAN KASIH

Pada 29 April 2022 yang lalu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan program tautan kasih bagi membantu golongan asnaf dan B40 menyambut hari raya aidilfitri. Program ini merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat MBPJ dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim di antara majlis dan juga penduduk di sekitar Petaling Jaya.

Yang Berusaha Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya, telah menyantuni dan memberikan sumbangan berupa wang tunai RM200, barangan keperluan harian, makanan kesihatan dan hamper kepada empat buah keluarga di kawasan petaling jaya selatan. Dalam pada itu, Datuk Bandar turut hadir melawat dan menzahirkan simpati kepada waris mangsa kemalangan maut yang melibatkan dua orang kanak-kanak perempuan berusia 15 dan 11 tahun, di

Taman Medan pada 26 April 2022.

Prihatin terhadap kakitangan MBPJ, YBrs. Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir turut meluangkan masa melawat serta memberi sumbangan khas kepada dua kakitangan majlis, Encik Mohd Shahril bin Mohd Ramli, Pembantu Penguatkuasa MBPJ (penghidap penyakit barah buah pinggang) di Kampung Lindungan dan Allahyarham Encik Jefry bin Rosli, Penghantar Notis MBPJ (penyakit barah hati) di Seksyen 4, Petaling Jaya. Untuk makluman Allahyarham Encik Jefry telah menghembuskan nafas terakhir pada 12 Mei 2022.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama menghadaikan al-fatihah dan mendoakan agar rohnyanya dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.



## BAZAR RAMADHAN



Sehingga 20 April 2022, jumlah pengunjung bazar Ramadhan bagi tahun 2022 adalah sejumlah 217,664 pengunjung. Majlis menjangkakan peningkatan jumlah pengunjung bagi tahun 2022 meningkat sebanyak 40 peratus berbanding tahun 2021.

Pada tahun 2021, jumlah pengunjung yang direkodkan adalah sejumlah 210, 936 pengunjung manakala pada tahun 2022 jumlah pengunjung dianggarkan sebanyak 295,310 pengunjung bagi 18 lokasi bazar Ramadhan. Berdasarkan rekod dan analisa oleh jabatan, terdapat 3 lokasi tumpuan pengunjung bazar Ramadhan pada tahun ini iaitu SS6/1, Kelana Jaya, Seksyen 4, Kota Damansara dan Apartment Vista, Damansara Damai.

Bagi pemberian kupon untuk program "Eco & Cashless" pula, Majlis masih meneruskan pemberian kupon ini yang bernilai RM 15.00 di 18 lokasi bazar Ramadhan. Program ini diteruskan bagi mendokong agenda Kerajaan Negeri melalui kempen bebas beg plastik dan salah satu

usaha Majlis dalam memotivasikan penduduk serta pengunjung bazar Ramadhan di Petaling Jaya. Majlis telah memperuntukkan sejumlah 2,000 kupon dengan jumlah keseluruhan bernilai RM 30,000 untuk diedarkan.

Sehingga 17 April 2022, jumlah kupon telah diedarkan di 13 lokasi bazar Ramadhan dengan jumlah kupon sebanyak 1,650 kupon bernilai RM 24,750.00 telah diberikan kepada pengunjung bazar Ramadhan yang membawa beg kitar semula dan bekas makanan. Program ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis kawasan yang terlibat.

Selanjutnya, bagi laporan kawalan dan pemantauan bazar Ramadhan bermula 3 hingga 16 April, Jabatan Penguatkuasaan telah memeriksa sebanyak 5,315 peniaga dengan mengeluarkan 70 kompaun dan 116 notis atas pelbagai kesalahan serta mengalihkan kenderaan sebanyak 72 buah kereta di beberapa lokasi bazar Ramadhan.

## HALATUJU PELAN STRATEGIK PJSSR 2030

Menyedari hakikat akan peranan dan tanggungjawab Majlis dalam menyediakan kemudahan aktiviti riadah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kepada masyarakat, Majlis telah menyediakan kemudahan rekreasi di Laman MBPJ secara “interconnected” bagi mengimbangi kehijauan alam sekitar dan menampung keperluan rekreasi rakyat yang lebih mampan, inklusif dan dinamik selari dengan matlamat dan halatuju Pelan Strategik PJSSR 2030.

Laman MBPJ ialah sebuah taman bandar yang terletak di kawasan Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya. Laman ini direkabentuk dengan menggabungkan komponen kesejahteraan (wellness) sebagai elemen penting dalam membentuk gaya hidup masyarakat moden. Gabungan kesejahteraan pekerjaan (occupational wellness), kesejahteraan intelek (intellectual wellness), kesejahteraan fizikal (physical wellness), dan kesejahteraan rohani (spiritual wellness) merupakan tunjang kepada integrasi penting dalam membentuk gaya hidup yang lebih ceria dan sihat kepada masyarakat.

Pada tahun ini, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) meraikan 12 tahun kecemerlangan dalam industri seni bina landskap dengan memberi pengiktirafan kepada firma perunding Arkitek landskap yang cemerlang, pemaju, penyelidik, pelajar, kontraktor, pembekal, agensi kerajaan, yayasan, NGO, media dan individu di Malaysia dan di luar negara di dalam Majlis Anugerah Arkitek Landskap Malaysia Kali Ke-12 (MLAA12).

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima anugerah pengiktirafan bertaraf ‘Honour Award’ MLAA12 Landscape Design Awards (Anugerah MLAA12 Rekabentuk Landskap) bagi Kategori Professional melalui Projek Pembangunan Laman MBPJ. Kejayaan pencapaian Majlis di dalam memenangi Anugerah MLAA12 Landscape Design Awards (Anugerah

MLAA12 Rekabentuk Landskap) bagi Kategori Professional melalui Projek Pembangunan Laman MBPJ merupakan hasil penglibatan semua pemain industri landskap seperti Pihak Berkuasa Tempatan, perunding, kontraktor dan komuniti di dalam memperkembangkan sistem jaringan landskap di kawasan pentadbiran Petaling Jaya.

Anugerah yang telah dirangkul ini juga adalah menjadi nilai tambah dan pengiktirafan kepada satu kejayaan dan usaha Majlis di dalam merealisasikan Petaling Jaya sebagai Bandar Taman Terindah dengan diimbangi oleh persekitaran yang hijau, diurus baik, bersih dan indah, mempunyai ruang fizikal luaran yang unik, beridentiti serta berkualiti; bahkan memenuhi kriteria sebagai bandar rendah karbon.



## ‘KITA JAGA KITA’

Dalam menyahut pelbagai cabaran semasa melaksanakan tugas, penjawat awam harus menunjukkan ciri dan nilai keperibadian yang murni. Persepsi negatif masyarakat kepada penjawat awam perlu ditangani dengan menunjukkan kebolehan dan keupayaan kita dalam melaksanakan dan menjalankan tugas. Sikap dan sifat seperti selalu acuh tidak acuh, mengambil kerja dengan jalan mudah dan sambil lewa, mengambil masa berlibur di luar waktu pejabat atau dalam waktu kerja, kerja kurang cekap dan kurang teliti haruslah ditangani dan hal ini kita perlu lawan serta cabar untuk menjadi sebuah organisasi yang maju, pintar dan disegani.

Sehubungan itu, semua penjawat awam seharusnya mempunyai nilai kemanusiaan yang dapat mengawal tingkah laku daripada melakukan kesalahan sesama insan mahupun perkara-perkara yang dianggap melanggar etika dan tatakelakuan sebagai penjawat awam di dalam Jabatan. Dengan membudayakan kecekapan, budaya akauntabiliti, budaya ‘deliver’ yang betul, ianya dilihat dapat mengekalkan reputasi organisasi yang mampu membawa ke arah pembangunan dan dipercayai oleh rakyat dan masyarakat.

Nilai dan etika, keprihatinan antara satu sama lain iaitu ‘Kita Jaga Kita’ dalam konteks COVID-19 harus diterjemahkan dalam konteks perjalanan kita ketika kita menjalankan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Melalui

ibadah puasa, kita berupaya untuk meninggalkan, mengawal nafsu serta tingkah laku yang seringkali mengajak kita untuk melakukan perkara-perkara yang tidak wajar, melampau dan melanggar batas.

Dengan berpuasa, manusia dapat meningkatkan nilai dirinya. Bulan Ramadhan bukanlah untuk kita mengeluh dan berehat tetapi untuk menjadikan kita lebih baik, lebih berkualiti, benar-benar menjadi manusia keinsanan dan kemanusiaan, membantu mereka yang memerlukan, dan meneruskan tugas sebagai khalifah dan pemimpin di muka bumi. Hubungan dengan manusia haruslah dijaga dan silaturahmi harus dipelihara. Ambil kesempatan dan jadikanlah bulan Ramadhan ini satu bulan keberkatan untuk memperbaiki diri, menghiasi peribadi serta menambahkan pahala dengan melakukan amalan-amalan yang mulia seperti bersedekah, membaca Al-Quran dan mendengar ceramah agama. Semoga amalan ini dapatlah kita menjauhi sifat-sifat dan sikap yang tidak baik dan ditegah oleh agama Islam dan menjauhi dosa.

Semoga bulan Ramadhan menjadikan dan memberi kita peluang untuk lebih muhasabah diri, menjaga nilai maruah integriti, menambah baik diri kita, mempertingkatkan amalan kita serta meningkatkan keikhlasan dalam melaksanakan tugas setiap hari.

# PETAK PARKING KERETA DI TLK OFF-STREET

Seksyen 52, Petaling Jaya adalah merupakan pusat bandar yang menjalankan aktiviti-aktiviti komersial seperti perbankan, perniagaan, restoren, klinik dan pejabat/agensi kerajaan serta swasta. Keadaan ini telah menyebabkan Seksyen 52 menerima jumlah pengunjung yang tinggi terutama pada waktu puncak yang menyebabkan tempat letak kereta di bahu jalan (On-street) yang disediakan tidak mencukupi bagi menampung permintaan pengguna. Berdasarkan semakan dan kajian yang telah dilaksanakan terhadap kadar penggunaan 1,891 petak letak kereta awam di Seksyen 52, didapati kadar penggunaan adalah seperti berikut :-

Berdasarkan maklumat di atas, terdapat 386 petak kosong di TLK Off-street yang boleh digunakan oleh pengunjung Seksyen 52 pada waktu puncak. Bagi menarik minat pengunjung untuk

meletakkan kenderaan di Kompleks A dan Kompleks C, Majlis akan melaksanakan kadar caj letak kereta percuma untuk 1 jam pertama di kedua-dua kompleks letak kereta tersebut. Kadar sedia ada RM1.50 bagi jam kedua dan seterusnya adalah terpakai.

Kakitangan Majlis yang menggunakan TLK On-street akan ditempatkan ke TLK kakitangan di kawasan Ibupejabat MBPJ, Kompleks A dan Kompleks C. Penempatan TLK ini akan meningkatkan jumlah penawaran petak letak kereta sedia ada On-street sebanyak 13 peratus kepada pengguna awam di Seksyen 52. Pelaksanaan kadar caj percuma untuk 1 jam pertama di Kompleks A dan Kompleks C telah bermula pada 25 April 2022 (iaitu semalam), manakala penempatan TLK kakitangan Majlis dijangka akan selesai pada Mei 2022.

Tempat Letak Kereta (TLK)	Jumlah Petak	Kadar Penggunaan Petak Pada Waktu Puncak		
		Petak Dipenuhi	Petak Kosong	Peratus Penggunaan
Bahu Jalan (On-street)	1,093	Pecahan pengguna: i. Orang Awam : 956 (87%) ii. Kakitangan Majlis : 137 (13%)	-	100%
Kompleks A	406	244	162	60%
Kompleks C	392	168	224	43%
Jumlah	1,891	1,505	386	80%

## PROGRAM PENGGANTIAN KUPON KERTAS GORES PARKIR KEPADA KREDIT APLIKASI SMART SELANGOR

Pada 2 dan 3 April yang lalu, Majlis dengan kerjasama SSDU telah mengadakan Program Penggantian Kupon Kertas Gores Parkir kepada Kredit Aplikasi Smart Selangor Parking SSP bertempat di Auditorium Dewan Sivik, MBPJ.

Program 2 hari ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai pengguna letak kereta untuk beralih kepada sistem pembayaran parkir secara digital di Petaling Jaya. Pengguna awam yang hadir ke program penukaran kupon tersebut telah diberi maklumat terperinci berkenaan pendaftaran dan cara penggunaan aplikasi mudah alih SSP ini untuk membayar parkir di kawasan-kawasan PBT di seluruh Selangor.

Setakat 20 April 2022, sebanyak 8,042 transaksi pertukaran kupon parkir gores bernilai RM 6,312 telah ditukarkan kepada kredit aplikasi SSP di kawasan Petaling Jaya.



**SMART SELANGOR PARKING**

- Merentasi PBT di Selangor
- Imbas dan bayar kompaun
- Peringatan tempoh tamat parkir
- Pembayaran atas talian




**BERMULA 1 APRIL 2022**

PEMBAYARAN PARKIR KERETA SECARA DIGITAL SEPENUHNYA

**CARA-CARA PENGGUNAAN 'eKUPON' DI APLIKASI SMART SELANGOR PARKING**

- Bayar parkir & tambah nilai kredit menggunakan aplikasi Smart Selangor Parking
- ATAU
- Bayar parkir melalui eKupon berhampiran anda
- ATAU
- Tambah nilai kredit SSP di kedai-kedai terpilih:



#SenanglahSSP





SMART SELANGOR

SMART SELANGOR DELIVERY UNIT

Street Smart with SSP

@SmartSelangorParking  
1700-81-9612

## PROSEDUR OPERASI STANDARD (MYSOP) REOPENING SAFELY

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan meneruskan pemeriksaan dan penguatkuasaan dalam tempoh fasa peralihan endemik yang bermula pada 1 April 2022 mengikut kepada Prosedur Operasi Standard (MYSOP) Reopening Safely yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Walaupun kesemua aktiviti ekonomi dan sosial telah dibuka sepenuhnya, namun pematuhan kepada SOP yang ditetapkan adalah perlu bagi memastikan penularan wabak COVID-19 sentiasa terkawal. Fokus semakan adalah bagi memastikan pemilik-pemilik perniagaan dan orang awam terus mengadaptasi indikator-indikator yang ditetapkan di dalam aktiviti seharian.

Sepanjang bulan April 2022, Majlis telah melaksanakan semakan sebanyak 5,379 pemeriksaan yang melibatkan premis dan aktiviti perniagaan, pasar awam dan kawasan riadah di sekitar kawasan Petaling Jaya. Di samping itu, sebanyak 17 operasi

bersepadu bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya juga telah dilaksanakan.



## PROSEDUR OPERASI STANDARD (MYSOP) REOPENING SAFELY

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epid ke 15/2022 (10/4/2022 - 16/4/2022) adalah sejumlah 91 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1025 kes yang dilaporkan. Keadaan ini meningkat 16 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 78 kes. Tiada kes kematian baru yang dilaporkan. Jumlah lokaliti wabak aktif adalah 41 lokaliti, daripada jumlah ini, sebanyak 8 lokaliti wabak hotspot dicatatkan.

Pada 4 April yang lalu, Pengarah Kesihatan Selangor telah mengesahkan kematian seorang lelaki warga tempatan di daerah Petaling pada 10 Mac lalu, akibat jangkitan Rabies. Penyakit Rabies adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh jangkitan lyssavirus dari haiwan seperti anjing yang dijangkiti Rabies. Rabies berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit dari air liur, cairan atau tisu tubuh dari haiwan tersebut kepada manusia.

Individu yang dijangkiti Rabies akan mengalami tanda klinikal seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia, lumpuh dan koma. Rabies adalah satu penyakit yang menyebabkan kematian 100 peratus jika tanda-tanda penyakit telah timbul. Berdasarkan situasi ini, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran telah membuat pendidikan kesihatan berkaitan penyakit Rabies melalui hebahan di laman media sosial rasmi MBPJ.

Bagi April 2022 (sehingga 15 April), Majlis telah menerima pemakluman 2 kes orang di gigit anjing dan 2 kes di cakar kucing daripada Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD). Majlis dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah membuat operasi tangkapan anjing liar dan kucing di kawasan kes. Sebanyak 6 ekor anjing dan 1 ekor kucing berjaya di tangkap telah di ambil oleh JPV untuk di buat pemeriksaan selanjutnya.

BIL	SENARAI LOKALITI HOTSPOT	BIL KES	JUMLAH HARI	DI JANGKA TAMAT
1	PJU 10 APT IDAMAN FASA 2 (D,E,F,G,O,P,Q,R,S)	19	72	21/04/2022
2	PJU 9 SRI DAMANSARA 8	33	67	28/04/2022
3	PJU 5 SEK 4 GUGUSAN SEMARAK	21	68	18/04/2022
4	SS 9A (JLN 9A/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	9	53	25/04/2022
5	PJS 6, FLAT DESA MENTARI 2 (BLOK 4, 5, 6)	21	38	26/04/2022
6	PJS 2C APT MEDAN CAHAYA 2 (BLOK D, E, F)	9	37	27/04/2022
7	PJS 2C FLAT DESA MENTARI (BLOK 9, 10)	13	47	25/04/2022
8	PJS 3 TMN MEDAN (JLN MEDAN 29,30,31,32)	24	60	25/04/2022

## NOTIS PENGOSONGAN DAN ROBOH TAPAK

Untuk makluman, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan masih dilaksanakan untuk aduan-aduan di kawasan Petaling Jaya yang melibatkan binaan tanpa kebenaran, salahguna bangunan, iklan haram, kerja lebih masa, keretakan bangunan. Bermula Januari hingga April 2022, sebanyak 245 aduan telah diterima dan melalui itu, sejumlah 181 aduan telah diselesaikan. Bagi tindakan susulan Notis Roboh, sebanyak 40 notis telah dikeluarkan manakala Notis Mengosong sebanyak 10 notis telah dikeluarkan.

Sehubungan dengan itu, tindakan mahkamah akan dijalankan kepada pemilik/penyewa yang tidak mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta 133. Sebanyak 10 kes telah dibawa ke mahkamah bagi tahun 2022, manakala sebanyak 15 premis telah diroboh pada tahun 2022. Perobohan telah dijalankan secara bersepadu bersama-sama Jabatan Teknikal Majlis.

Sementara itu, kompaun telah dikeluarkan mengikut kesalahan yang telah ditetapkan seperti Tukarguna Bangunan, Binaan Tanpa Kebenaran dan kerja lebih masa yang berjumlah RM130,375.00. Selain daripada itu, sebanyak 57 unit Paparan Iklan Haram telah diturunkan di sepanjang Lebuhraya NKVE.

Selain itu, pemeriksaan bangunan berkala di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974, Akta 133 bagi bangunan yang melebihi 5 tingkat dan melebihi 10 tahun perlu dijalankan bagi memastikan keadaan bangunan berada dalam keadaan baik mengikut laporan keadaan bangunan yang telah dikemukakan oleh pihak perunding yang dilantik oleh pemilik bangunan. Melalui ini, sebanyak 14 Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan telah dikeluarkan kepada pemilik bangunan.



The graphic features a central illustration of two hands exchanging stacks of blue banknotes. The hand on the left is holding a stack, while the hand on the right is receiving it. A red prohibition sign (a circle with a diagonal slash) is overlaid on the left hand, indicating that the exchange is disallowed. In the top right corner, a yellow speech bubble with a megaphone icon contains the text 'Jom Hebah INTEGRITI Bil. 4/2022'. Below this, a man in a blue suit and sunglasses is shown holding a stack of banknotes. The word 'INTEGRITI' is written in large, bold, red letters with a white outline. Below it, the words 'KEJUJURAN DAN KETULUSAN, KESEMPURNAAN, KEUTUHAN' are written in yellow. At the bottom, a white box contains the text: 'INTEGRITI bermula dari DIRI SENDIRI. integriti adalah PERBUATAN yang BAIK dan BETUL di sisi AGAMA, UNDANG-UNDANG dan PERATURAN, walaupun tiada mata yang memandang.'

**INTEGRITI**  
KEJUJURAN DAN KETULUSAN,  
KESEMPURNAAN, KEUTUHAN

INTEGRITI bermula dari **DIRI SENDIRI**.  
integriti adalah **PERBUATAN** yang **BAIK**  
dan **BETUL** di sisi **AGAMA, UNDANG-UNDANG**  
dan **PERATURAN**, walaupun  
tiada mata yang memandang.

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  Majlis Bandaraya Petaling Jaya    [pjcitycouncil](#) 



## PROGRAM MEMASAK DAN MENGEDAR BUBUR LAMBUK

**LEMBAH SUBANG 2, 5 APRIL 2022** - Pejabat Ahli Majlis dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 4 dengan kerjasama Surau Al-Muhajirin, PPR Lembah Subang 2 telah menganjurkan program memasak bubur lambuk untuk diedarkan kepada komuniti di PPR Lembah Subang 1, PPR Lembah Subang 2, Pangsapuri Seri Meranti, Pangsapuri Vista Subang dan Pangsapuri Permai. Edaran telah disampaikan oleh Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan.



## PROGRAM ECO & CASHLESS BAZAR RAMADHAN LEMBAH SUBANG

**LEMBAH SUBANG, 15 APRIL 2022** - Program eco & cashless bazar Ramadhan Lembah Subang anjuran Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan MBPJ untuk menggalakkan pengunjung bazar menjaga alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan beg plastik. Sebanyak 60 keping kupon yang bernilai RM 15.00 turut diedarkan kepada pengunjung terawal yang membawa beg kitar semula. Turut hadir Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan.



## SUMBANGAN IFTAR RAMADHAN

**LEMBAH SUBANG 2, 17 APRIL 2022** - Pertubuhan Sepakat Kaseh Barokah dan Team Rewang PPR Lembah Subang 2 bersama Pejabat Ahli Majlis Zon 4 telah menyediakan juadah iftar berupa lemang dan rendang kepada penduduk di sekitar PPR Lembah Subang 2. Program ini untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pemimpin tempatan dan komuniti setempat serta berkongsi rezeki di bulan Ramadhan.



## SUMBANGAN JUADAH BERBUKA PUASA

**JALAN TEMPLER, 5 APRIL 2022** - Bertempat di Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Jalan Templer Petaling Jaya, Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah menganjurkan program sumbangan juadah berbuka puasa yang telah diedarkan kepada 100 orang penerima yang kurang berkemampuan untuk mengurangkan beban mereka menyediakan juadah berbuka puasa.



## PROGRAM MEMASAK BUBUR CACA

**SEKSYEN 3, 19 APRIL 2022** - Seramai 15 orang penduduk telah menyertai program memasak bubur caca yang diadakan di Kebun Komuniti, Seksyen 3 Petaling Jaya. Bubur yang siap dimasak kemudiannya diedarkan kepada penduduk sekitar untuk dijadikan juadah berbuka puasa.



## GOTONG-ROYONG MEMASAK DAN MENGEDAR BUBUR LAMBUK ZON 17

**TAMAN MEDAN BARU, 10 APRIL 2022** - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor dan MPP Zon 17 telah menganjurkan program gotong-royong memasak dan mengedar bubur lambuk yang diadakan di perkarangan Flat Medan 32, Taman Medan Baru sempena sambutan awal Ramadhan 1443 hijrah.



## MAJLIS BERBUKA PUASA, SOLAT TARAWIH DAN SUMBANGAN SURAU

PETALING JAYA, 15 APRIL 2022 – Sepanjang bulan Ramadhan yang lepas, Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah menziarahi Surau Al-Khairiyah, Surau An-Nur dan Surau Al-Hijrah dalam zon 17 untuk bersama-sama dengan jemaah berbuka puasa dan menunaikan solat tarawih. Di samping beramah mesra dengan jemaah, beliau turut menyampaikan sumbangan untuk menampung tabung pengimaraharan Ramadhan.



## EDARAN BUBUR LAMBUK BAZAR RAMADHAN TAMAN SRI MANJA

TAMAN SRI MANJA, 17 APRIL 2022 - Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor telah menganjurkan program mengedar bubur lambuk kepada peniaga dan pengunjung bazar Ramadhan Taman Sri Manja. Sebanyak 500 pek bubur lambuk berjaya diedarkan di lokasi tersebut.



## PROGRAM ECO & CASHLESS BAZAR RAMADHAN TAMAN MEDAN

TAMAN MEDAN, 12 APRIL 2022 - Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik bersama Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan MBPJ telah mengedarkan sebanyak 200 kupon yang bernilai RM 15.00 kepada pengunjung bazar yang membawa bekas makanan dan minuman sendiri untuk membeli juadah di bazar Ramadhan. Melalui kempen ini, pengunjung bazar dapat membiasakan diri menggunakan bekas makanan dan botol minuman sendiri serta sentiasa menggunakan beg kitar semula semasa membeli-belah.



## PROGRAM EDARAN BUBUR LAMBUK MPP ZON 18

TAMAN DATO' HARUN, 16 APRIL 2022 – Sebanyak 1,200 bekas bubur lambuk telah diedarkan kepada orang awam sekitar Zon 18 sempena bulan Ramadhan al-Mubarak. Aktiviti yang dijalankan secara bergotong-royong bermula seawal pukul 8 pagi.



## MAJLIS IFTAR RAMADHAN AHLI MAJLIS ZON 18

PETALING UTAMA, 17 APRIL 2022 - Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Hee Loy Sian telah merasmikan Majlis Iftar Ramadhan Zon 18 yang berlangsung di Dewan MBPJ PJS 1/35 Petaling Utama. Ahli Majlis Zon 18, En. Ahmad Akhir Pawan Chik turut menyumbangkan 150 kotak makanan kepada semua tetamu yang hadir.



## PROGRAM BANTUAN HARAPAN RAMADHAN

TAMAN AMAN, 17 APRIL 2022 - Ahli Dewan Negeri Kg. Tunku, YB Pn. Lim Yi Wei dan Ahli Majlis Zon 19, Pn. Nalina Nair a/p Rama Krishnan telah menyampaikan sumbangan baucar bernilai RM 100 dan buah kurma kepada penduduk flat Sri Aman yang memerlukan. Pemberian sumbangan berupa baucar ini untuk membeli barangan berdasarkan keperluan masing-masing.



## MAJLIS PENUTUP TADARUS PERDANA

**BANDAR SUNWAY, 19 APRIL 2022** - Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir telah merasmikan majlis penutup tadarus perdana anjuran gabungan 3 Ahli Majlis MBPJ iaitu Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazithah Ahmad, Ahli Majlis Zon 23, En. Zamri Mohamad dan Ahli Majlis Zon 24, En. Ridzuan Ahmad yang berlangsung di Masjid Al-Husna, Bandar Sunway.



## EDARAN KOTAK IFTAR NASI AMBENG

**KELANA JAYA, 15 APRIL 2022** - Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozazithah Ahmad telah mengedarkan kotak iftar nasi ambeng kepada beberapa badan kebajikan, surau, masjid dan rumah-rumah warga emas dalam Zon 21.



## MAJLIS PELANCARAN PASUKAN BOLA SEPAK MBPJ ZON 21

**SS 5A, 2 APRIL 2022** - Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir telah merasmikan pasukan bola sepak Zon 21 dalam majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna MBPJ Jalan SS 5A/15. Terdapat lapan pasukan yang bernaung di bawah Zon 21 dan empat pasukan telah mencipta kejayaan iaitu pasukan bawah 10 dan 16 tahun selaku juara, pasukan bawah 14 tahun mendapat tempat kedua dan pasukan bawah 12 tahun memenangi tempat ketiga pertandingan bola sepak Dream Cup.



## MAJLIS BERBUKA PUASA MPP ZON 22

**KELANA JAYA, 20 APRIL 2022** - Majlis Perwakilan Penduduk Zon 22 dan pasangan telah diraikan dalam majlis berbuka puasa Zon 22 yang diadakan di Hotel Tabung Haji. Turut hadir, urusetia program Hari Wanita dari Hidayah Centre dan Gereja St Ignatius. Ahli Majlis Zon 22, Puan Rahibah Binti Che Omar turut menyediakan cenderahati istimewa kepada hadirin menggunakan beg kitar semula.



## RAYA STYLE BAKAR LEMANG, MASAK KETUPAT & RENDANG KAWAH

**TAMAN MEGAH, 23 APRIL 2022** - Ahli Majlis Zon 6, Cik Sakinah Bibi Nagoor telah menganjurkan program raya style bakar lemang, masak ketupat dan rendang kawah untuk memupuk suasana muhibah antara penduduk berbilang bangsa. Penganjuran program ini dengan kerjasama dan tunjuk ajar oleh Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon dan anak-anak muda dari Taman Medan Petaling Jaya.



## RAYA STYLE BAKAR LEMANG, MASAK KETUPAT & RENDANG KAWAH

**TAMAN MEGAH, 23 APRIL 2022** - Ahli Majlis Zon 6, Cik Sakinah Bibi Nagoor telah menganjurkan program raya style bakar lemang, masak ketupat dan rendang kawah untuk memupuk suasana muhibah antara penduduk berbilang bangsa. Penganjuran program ini dengan kerjasama dan tunjuk ajar oleh Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon dan anak-anak muda dari Taman Medan Petaling Jaya.



## MAJLIS BERBUKA PUASA MPP ZON 15

PJS 1 & SEKSYEN 14, 23 APRIL 2022 - Program santuni warga emas, ibu tunggal dan golongan B40 sempena Aidilfitri 2022 telah dihadiri Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah dan Ahli Majlis Zon 17, Pn. Norah Mansor. Manakala sejumlah 200 pek juadah berbuka puasa, 30 meja belajar dan tiga buah kipas telah disumbangkan kepada Rumah Sentuhan Budi. Sumbangan ini untuk menceriakan anak-anak asnaf di pusat kebajikan tersebut. Turut hadir Ahli Majlis Zon 21, Pn. Rozaitah Ahmad.



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA MPP ZON 4

KELANA JAYA, 27 APRIL 2022 - Bertempat di Hotel Tabung Haji, Kelana Jaya telah berlangsung majlis berbuka puasa bersama MPP dan penduduk Zon 4. Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan berbesar hati menerima kehadiran Datuk Bandar Petaing Jaya, Tuan Mohamad Azhan Md. Amir dan Timbalan Setiausaha (Pengurusan), En. Aznan Hj. Hassan. Turut berlangsung acara penyampaian baucar Jom 'Shopping' sempena Aidilfitri dan agihan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir.



## SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK YATIM DAN OKU

PPR LEMBAH SUBANG 2, 28 APRIL 2022 - Program penyampaian sumbangan hari raya kepada anak-anak yatim dan warga kurang upaya (OKU), anjuran ahli jawatankuasa Surau Al-Muhajirin, PPR Lembah Subang 2. Sumbangan telah disampaikan oleh Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar Nekhan. Seramai 25 orang penerima terpilih menerima sumbangan.



## SUMBANGAN AIDILFITRI WARGA PEMBERSIHAN

JALAN SELANGOR, 28 APRIL 2022 - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon menzahirkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada pekerja pembersihan KDEB Waste Management yang memberi perkhidmatan di zon 15 dengan menganjurkan program sumbangan aidilfitri yang diadakan di pejabat Ahli Majlis, Stadium Hoki Jalan Selangor Petaling Jaya.

# PERKHIDMATAN ONLINE MELALUI APLIKASI WEB



Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[embpj@MBPJ](mailto:embpj@MBPJ)

Membuat semakan seperti :

- Lesen
- Aduan
- Sewaan
- Cagaran
- Cukai Taksiran
- Semakan Kompaun
- Status Bayaran Kontraktor

### TALIAN ADUAN

HOTLINE MBPJ  
03 7954 2020

011 1201 7914

Waktu urusan adalah bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang hari bekerja

### KIOS

Pembayaran di kiosk lobi ibu pejabat MBPJ, Kaunter Pandu Masuk dan Pejabat Cawangan Petaling Utara

- Cukai Taksiran
- Kompaun
- Tempahan
- Bil pelbagai
- Sewaan
- Cagaran (Tunai sahaja)

### SMART PARKING



Muat turun aplikasi Smart Parking di Google Play dan App Store

